

07/10/1998

Kerajaan jamin tiada sekatan guna Internet

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan memberi jaminan tidak akan menyekat kebebasan menggunakan Internet, walaupun pada masa tertentu terpaksa mengawasi penyebaran khabar angin menerusi sistem rangkaian maklumat antarabangsa itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Ong Ka Ting, berkata ini selaras pendirian kerajaan yang dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengemukakan cadangan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Saya perlu beri kefahaman terutama kepada orang asing. Pendirian kita adalah konsisten. Kita juga tidak berhak mengarahkan pengguna cara menggunakan Internet," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kad Pintar 1998 di sini, hari ini.

Ong berkata, pemantauan hanya dibuat ke atas maklumat jahat yang bermatlamat mewujudkan ketegangan dan keadaan tidak selesa.

Katanya, polis perlu mencari dalang yang menghasilkan maklumat jahat menerusi Internet dan tidak boleh membiarkan perkara itu berlaku.

"Ia bukan satu bentuk kebebasan yang dibenarkan di mana-mana negara. Siasatan boleh dilakukan," katanya.

Menurutnya, polis juga perlu mendapatkan bantuan pihak lain seperti Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta Mimos, agensi yang arif mengenai peraturan dan perundangan Internet.

"Polis meminta bantuan mereka. Itu saja. Ini kerana secara teknikal polis tidak boleh menyiasat terus menerusi Internet," katanya.

Justeru, beliau menasihatkan pengguna supaya tidak risau, jika mereka tidak menyebarkan maklumat yang boleh mewujudkan ketegangan dan kegelisahan orang ramai.

(END)